



Ruj. Kami : KKM.600-7/2/1 Jld. ()

Tarikh : 7 Oktober 2020

Pengurus
GMI Marketing
No. 61-1, Jalan MH 1,
Taman Muzaffar Heights,
75450 Ayer Keroh
Melaka.

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN KHIDMAT NASIHAT PELABELAN MAKANAN BAGI PRODUK DE'
SHAPES – CAMPURAN MINUMAN BOTANI DURIAN BELANDA DENGAN
PROBIOTIK**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa merujuk kepada maklumat dan label yang dikemukakan, Bahagian ini **tiada halangan** ke atas label produk tersebut seperti yang dilampirkan. Pihak tuan/puan dinasihatkan agar menggunakan label yang dilampirkan sahaja bagi tujuan pasaran produk berkenaan di negara ini.
3. Pihak tuan/puan diingatkan untuk tidak membuat sebarang akuan yang dilarang dalam sebarang aktiviti pemasaran dan bertanggungjawab untuk memastikan label tersebut sentiasa mematuhi segala peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya termasuk Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Adalah ditegaskan bahawa surat ini bukan merupakan surat kelulusan dan nombor rujukan surat ini tidak boleh digunakan untuk apa-apa tujuan lain termasuk pada iklan produk.
4. Surat ini akan terbatal sekiranya terdapat apa-apa pengubahsuaian kepada formulasi dan label serta percanggahan maklumat yang dikemukakan semasa permohonan berbanding produk di pasaran.

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



5. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut, sila berhubung dengan Puan Nur Liyana binti Mohamad Nizar di talian 03-8885 0761 (nurliyana@moh.gov.my).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(AHMAD NADZRI BIN SULAIMAN)

b.p. Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

NAR